



**Permohonan Sepanjang Masa Jawatan Kumpulan Sokongan Di Bawah
Kementerian Pelajaran Malaysia Dan
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Bagi
Warganegara Malaysia Yang Berkelayakan**

1. JAWATAN DAN JADUAL GAJI

1.1	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN Gred N17	P1T1 RM820.38 – P1T24 RM2151.35 P2T1 RM871.81– P2T24 RM2272.50 P3T1 RM924.75– P3T24 RM2397.95
1.2	PEMBANTU TADBIR (Kewangan) Gred W17	P1T1 RM821.89– P1T24 RM2152.86 P2T1 RM873.32– P2T24 RM2274.01 P3T1 RM926.26– P3T24 RM2399.46
1.3	PEMBANTU TADBIR (Perkeranian dan Operasi) Gred N17	P1T1 RM820.38 – P1T24 RM2151.35 P2T1 RM871.81– P2T24 RM2272.50 P3T1 RM924.75– P3T24 RM2397.95
1.4	PENYELIA ASRAMA Gred N17	P1T1 RM820.38 – P1T24 RM2151.35 P2T1 RM871.81– P2T24 RM2272.50 P3T1 RM924.75– P3T24 RM2397.95
1.5	PEMBANTU PENGURUSAN MURID Gred N17	P1T1 RM820.38 – P1T24 RM2151.35 P2T1 RM871.81– P2T24 RM2272.50 P3T1 RM924.75– P3T24 RM2397.95
1.6	PEMBANTU MAKMAL Gred C17	P1T1 RM824.91– P1T24 RM2155.88 P2T1 RM876.34– P2T24 RM2277.03 P3T1 RM929.28– P3T24 RM2402.48
1.7	PEMBANTU TADBIR RENDAH (Juru Taip) Gred N11	P1T1 RM709.59– P1T22 RM1750.21 P2T1 RM752.06– P2T22 RM1839.98 P3T1 RM796.16– P3T22 RM1931.38
1.8	TUKANG K2 Gred R11	P1T1 RM892.54– P1T21 RM1647.28 P2T1 RM948.08– P2T21 RM1725.64 P3T1 RM1005.25– P3T21 RM1805.63
1.9	TUKANG K3 Gred R9	P1T1 RM721.02– P1T21 RM1626.04 P2T1 RM763.49– P2T21 RM1709.28 P3T1 RM807.59– P3T21 RM1794.23

2. SYARAT LANTIKAN

2.1 PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

(a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

dan (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer)

2.2 PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17

(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; **atau**

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W17 : P1T2); **atau**

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W17 : P1T5); **atau**

(iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W17 : P1T9);

dan (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2.3 PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17

(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**

(ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang

diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N17 : P1T6); **atau**

- (iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N17 : P1T8); **atau**

- (iv) Sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N17 : P1T9);

- dan** (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan computer/atau mengambil trengkas)

(c) **KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah, Operator Wayarles dan Pengawet adalah layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2.3(a) dan 2.3(b); **atau**
- (ii) lulus Peperiksaan Khas.

2.4 PENYELIA ASRAMA GRED N17

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- (ii) pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat atau perkhidmatan Pendidikan yang telah disahkan dalam perkhidmatan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : P1T6).

- dan** (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan kecuali calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2.4 (a) (ii) di atas.

2.5 PEMBANTU PENGURUSAN MURID GRED N17

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **dan**
- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2.6 PEMBANTU MAKMAL GRED C17

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf dengan setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; **dan**
- dan** (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.7 PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURU TAIP) GRED N11

- (a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 2.7 (a) (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 5 di bawah; **atau**
- (iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran **atau** kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : P1T2); **atau**
- (iv) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran **atau** kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 5 di bawah.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : P1T2).

(b) KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2.7 (a); **atau**
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; **atau**
- (iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 5 di bawah.

2.8 TUKANG K2 GRED R11

- (a) (i) tamat Tingkatan 3 sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; **atau**
 - (ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/ Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
 - (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2;
- dan** (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

2.9 TUKANG K3 GRED R9

- (a) (i) tamat Tingkatan 3 sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; **atau**
- (ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R9 : P1T2) ;

dan (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

3. UMUR

3.1 Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun; dan

3.2 Pegawai sedang berkhidmat yang layak di bawah Kenaikan Pangkat Secara Lantikan hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. TARAF JAWATAN

Taraf jawatan adalah tetap.

5. UJIAN MENAIP BAGI JAWATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURU TAIP) GRED N11

5.1 Calon dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah **35 p.s.m.** daripada naskhah bertulis yang jelas dan **30 p.s.m.** daripada naskhah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih daripada **4%**;

5.2 Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip menaip dalam **kedua-dua fasa** iaitu;

(i) Sijil Kecekapan; **dan**

(ii) Sijil ujian laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan 5.1; **dan**

5.3 Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan Peringkat Pertengahan dalam ujian kelajuan dan kecekapan adalah layak dilantik atas Gred N11 : P1T4 dan Peringkat Tinggi atas Gred N11 : P1T6

6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon yang memasuki perkhidmatan seperti perenggan 2.1 hingga 2.9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. ELAUN

7.1 Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17

(i)	Imbuan Khidmat Awam	-	RM	115.00
(ii)	Imbuan Tetap Perumahan	-	RM	180.00

7.2 Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17,
Penyelia Asrama Gred N17,
Pembantu Pengurusan Murid Gred N17,
Pembantu Makmal Gred C17

	(i)	Imbuhan Khidmat Awam	-	RM	115.00
	(ii)	Imbuhan Tetap Perumahan	-	RM	180.00
7.3	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, Tukang K2 Gred R11				
	(i)	Imbuhan Khidmat Awam	-	RM	95.00
	(ii)	Imbuhan Tetap Perumahan	-	RM	180.00
7.4	Tukang K3 Gred R9				
	(i)	Imbuhan Khidmat Awam	-	RM	95.00
	(ii)	Imbuhan Tetap Perumahan	-	RM	135.00

8. KLASIFIKASI JAWATAN

8.1	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17	:	Perkhidmatan Kewangan
8.2	Pembantu Makmal Gred C17	:	Perkhidmatan Sains
8.3	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 dan Penyelia Asrama Gred N17 dan Pembantu Tadbir Rendah (Juru Taip) Gred N11	:	Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
8.4	Tukang K2 Gred R11 dan K3 Gred R9	:	Perkhidmatan Mahir/ Separuh Mahir/Tidak Mahir

9. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

9.1 PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

- Melayani pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan;
- Memberi penerangan kepada pelanggan/tetamu yang ingin mendapat penjelasan mengenai perkhidmatan yang disediakan jabatan;
- Memaklumkan kepada pelanggan/tetamu dari semasa ke semasa berkaitan aduan;
- Mengumpul, menyelenggara dan menggunakan maklumat tetamu/pelanggan untuk penambahbaikan jabatan

9.2 PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17

- Menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan.
- Mengurus dan mengawal peruntukan.
- Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan
- Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar
- Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai, pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan.

9.3 **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17**

- (a) Tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan dan statistik.
- (b) Urusan-urusan perkhidmatan seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pertukaran, cuti dan persaraan.

9.4 **PENYELIA ASRAMA GRED N17**

Bertanggungjawab menguruskan pentadbiran asrama, menguruskan penginapan di asrama, menyelia dapur dan dewan makan, memeriksa bahan mentah, membuat uji rasa makanan dan menyelia pekerja dan peralatan dapur dan asrama.

9.5 **PEMBANTU PENGURUSAN MURID GRED N17**

Pra Sekolah

- (a) Membantu guru kelas pra sekolah dalam hal ehwal pengurusan/pentadbiran kelas.
- (b) Membantu guru kelas pra sekolah dalam semua aktiviti bimbingan dan pembelajaran/pengajaran murid-murid pra sekolah.
- (c) Melaksanakan tugas-tugas berkaitan penyediaan makanan, mengurus dan membersihkan serta menjaga keselamatan murid kelas pra sekolah.

Asrama Sekolah Rendah

- (a) Menjaga hal ehwal murid-murid istimewa/peringkat sekolah rendah daripada semua aspek pengurusan diri di asrama.
- (b) Membimbing/melatih/mengasuh murid-murid istimewa/peringkat sekolah rendah mengenai semua aspek yang berkaitan dengan tata kelakuan, akhlak, adab sopan, menjaga kebersihan diri/kawasan sekitar.
- (c) Melayan keperluan murid-murid yang sakit atau bermasalah emosi.
- (d) Mengawasi keselamatan murid.
- (e) Menjadi perantara dengan ibubapa murid.

9.6 **PEMBANTU MAKMAL GRED C17**

- (a) Menguruskan persediaan dan persiapan sebelum ujikaji.
- (b) Memastikan makmal dan peralatan sains sentiasa dalam keadaan baik.
- (c) Menyedia dan menguruskan buku stok dan inventori makmal.
- (d) Memeriksa dan memastikan alat-alat keselamatan dan pertolongan cemas di makmal dalam keadaan sempurna.

9.7 **PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURU TAIP) GRED N11**

Bertanggungjawab ke atas urusan-urusan sokongan pentadbiran dan operasi seperti menaip draf surat menyurat dan sebagainya.

9.8 **TUKANG K2 GRED R11 DAN K3 GRED R9**

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas pemeriksaan dan pembaikan lampu-lampu di dalam dan luar bangunan pejabat, menjalankan ujian-ujian pemasangan sambungan dan penutupan, pemeriksaan ke atas jentera, membaiki pendawaian yang rosak, membaiki kerosakan kecil sistem paip dan perabot-perabot, memeriksa dan

menyelenggara keadaan bilik air dan peralatannya supaya sentiasa dalam keadaan baik.

10. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dikemukakan secara **ONLINE** di Portal SPP <http://www.spp.gov.my>. Semua pegawai awam yang berminat juga hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan kaedah yang sama. Calon boleh memohon lebih dari satu jawatan namun panggilan temu duga akan ditentukan oleh Suruhanjaya mengikut keutamaan.

11. CALON YANG MEMILIKI KELAYAKAN SPM TERBUKA

11.1 Calon yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sistem Terbuka hendaklah mempunyai kelayakan minima seperti berikut:

- (a) lulus 6 mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia/Melayu dengan 2 mata pelajaran di peringkat kepujian dan selebihnya lulus dalam satu peperiksaan; **atau**
- (b) lulus 6 mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia/Melayu dengan 2 mata pelajaran di peringkat kepujian dan selebihnya lulus dalam 2 peperiksaan yang dikumpulkan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut.

11.2 Permohonan yang tidak memenuhi syarat kelayakan di atas **TIDAK** akan dipertimbangkan.

12. ASAS TAPISAN

Suruhanjaya berhak menetapkan asas tapisan untuk menentukan jumlah calon yang sesuai untuk dipanggil temuduga.

13. PERINGATAN

Semua maklumat yang dikemukakan di dalam borang permohonan adalah dianggap **BENAR**. Jika terdapat sebarang penipuan berkaitan maklumat yang diberikan, permohonan akan dibatalkan serta merta dan **nama pemohon akan disenaraihitamkan**.

14. PEMBERITAHUAN MENGENAI CALON TIDAK BERJAYA

Calon yang dipanggil temu duga tetapi tidak berjaya akan dimaklumkan mengenainya manakala calon yang memohon tetapi tidak dipanggil temu duga bermakna permohonan tersebut masih belum melepasi asas tapisan yang ditetapkan.

15. TARIKH LUPUT PERMOHONAN

Semua permohonan akan luput pada **31 Disember 2009** atau pada satu tarikh awal yang akan dimaklumkan di Portal SPP.

16. AM

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke pejabat SPP di talian **0388717300** atau emel di alamat **aks@spp.gov.my**.